

Anwar tekad guna kuasa kembalikan wang rakyat

BERITA HARIAN 20 JUL 2025 m/s: 3

PM tempelak individu kumpul kekayaan secara haram


Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Datuk Seri Anwar Ibrahim bertegas akan menggunakan kuasa yang ada padanya untuk menuntut semula wang yang diambil secara haram untuk dipulangkan kepada rakyat walaupun pembangkang menuntunya meletakkan jawatan.

Perdana Menteri berkata, meskipun ada pihak memainkan sentimen untuk menjatuhkan dirinya, apa yang dilakukan tidak bermakna beliau tidak berada di landasan rakyat.

Beliau berkata, pihak yang mengumpul kekayaan dengan cara salah perlu mengembalikannya kepada negara apatah lagi negara kini menanggung hutang yang besar dan sekiranya tidak dibayar kelak akan mengalami bankrap.

“Tengok ada yang mengumpul harta mengucap panjang, semua (harta) bilion-bilion. Ada yang isytihar kepada SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) hartanya melebihi



Anwar berucap pada Majlis Peluncuran Pelan Induk Bumiputera, Tunas MADANI dan Projek Perumahan JKPSB di Permatang Pauh.

(Foto Danial Saad/BH)

RM1 bilion.

“Nak kata pejuang untuk Melayu? Silakan, nak bela nasib Melayu? teruskan. Tapi, kalau kau ambil RM1 bilion, bagilah balik.

“Orang kata saya guna kuasa, ya memang betul saya nak guna peluang ini (sebagai Perdana Menteri) wang yang diambil secara haram mesti dipulangkan semula kepada rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Pelan Induk Bumiputera, Tunas MADANI dan Projek Perumahan JKPSB di Dewan Besar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang semalam.

Dalam pada itu, beliau juga berkata Malaysia masih mempunyai masa untuk berunding dengan Amerika Syarikat (AS) berhubung tarif import 25 peratus yang dikenakan terhadap produk dari negara ini.

Katanya Malaysia akan berunding dengan menetapkan beberapa syarat supaya rundingan itu kelak membuahkan hasil.

Laksana pendekatan berbeza

“Pada ketika ini ekonomi dunia begitu gawat termasuk cabaran kenaikan tarif daripada Presiden AS Donald Trump. Kita (Malaysia), ada sampai awal Ogos untuk memutuskan (buat rundingan) dengan (guna) pendekatan

berbeza,” katanya.

Ketika merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) Peringkat Kebangsaan 2025 di perkarangan Stadium Batu Kawan, Anwar meminta rakyat tidak terpengaruh dengan hasutan kebencian kaum atau meluahkan perasaan hingga menjejaskan keharmonian, sebaliknya fokus kepada perpaduan dalam kepelbagaian yang menjadi kekuatan Malaysia bagi menyokong usaha kerajaan memajukan negara.

Beliau menegaskan kemajuan negara tidak dapat dicapai melalui sentimen perkauman, sebaliknya kestabilan dan keharmonian adalah asas penting ke arah pembangunan mampan.

Anwar berkata Kerajaan MADANI sedang berusaha menyelesaikan masalah rakyat termasuk isu perumahan, kemiskinan dan kos sara hidup tanpa mengingirkan mana-mana kaum khususnya kumpulan minoriti.

“Saya hendak bagi satu ingatan kepada rakyat Malaysia dan ini tanggungjawab bersama. Kalau nak selamatkan negara ini, kita mesti jaga perpaduan negara. Inilah kekuatan kita,” katanya.

Perdana Menteri turut mengemukakan peruntukan segera sebanyak RM10 juta kepada Kementerian Perpaduan Negara susulan kejayaan Kementerian itu memperkasa program kenegaraan yang berperanan menyemai semangat perpaduan nasional.